**PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

**PENDIDIKAN ISLAM SPM TAHUN 2022 (SET 1)**

| **SOALAN** | | **JAWAPAN** | **PEMARKAHAN** |
|---|---|---|---|
| 1(a) | (i) | Maksud fiqh al-Aulawiyat ialah:<br><br>Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak. | 2 markah |
| | (ii) | Prinsip asas fiqh al-Aulawiyat:<br><br>- Bersumberkan dalil syarak.<br>- Mengutamakan perkara yang diutamakan syarak<br>- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat | 2 isi x 2m=<br>4 markah |
| | (iii) | Pengajaran ayat: **Kita hendaklah**….<br><br>- Sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat.<br>- Sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya mendapat ganjaran yang besar dari Allah SWT.<br>- Sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang proaktif., | 2 isi x 2m=<br><br>4markah<br><br>(Isi + Huraian) |
| 1 (b) | (i) | **Dua** nama nabi dan rasul beserta pekerjaan :<br>- Nabi Adam (petani)<br>- Nabi Idris (tukang jahit)<br>- Nabi Musa (penternak kambing)<br>- Nabi Muhammad ( pengembala kambing/berniaga)<br>- Nabi Daud A.S (tukang besi)<br>- Nabi Zakarian (tukang kayu) | 2 isi x 1m=<br>2 markah |
| | (ii) | Kelebihan mengamalkan sikap berdikari :<br><br>- Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha.<br>- Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal.<br>- Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran<br>- Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan. | 1 isi x2m=<br>2 markah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (iii) | **Dua** pengajaran hadis: **Kita hendaklah** ….<br>- Memandang mulia kepada pekerjaan yang halal(1m) walaupun hasilnya sedikit.(1m)<br>- Mencari ilmu dan kemahiran (1m) untuk menjana pendapatan yang lebih baik. (1m)<br>- Menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung kepada orang lain(1m) demi memelihara kemuliaan dan maruah diri.(1m) | 2 isi x 2m=<br>4 markah |
| 1(c) | | - Mad Silah Qasirah (1m)/ apabila ha dhamir ( ـه ) terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan huruf hijaiah selain huruf hamzah (ء) pada dua kalimah berlainan (1m).<br><br>- Mad Silah Tawilah (1m)/ apabila ha dhamir ( ـه ) terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan huruf hamzah (ء) pada dua kalimah berlainan (1m).<br><br>**Hukum betul, huraian salah (1m)* | 2 isi x 1m=<br>2 markah |
| 2(a) | (i) | Al-Syahid ialah:<br>Nama Allah Taala yang menunjukkan bahawa Allah Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatupun yang tersembunyi daripadaNya. | 1 isi x 2m =<br>2 markah |
| | (ii) | **Dua** bukti kefahaman tentang nama Allah Taala al Syahid:<br>- Allah menjadi saksi perutusan Rasulullah ke atas umatnya.<br>- Allah Taala Maha Menyaksi dan Menghitung segala Amal perbuatan manusia.<br>- Allah Taala sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.<br>- Allah Taala menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik. | 2 isi x 2m=<br>4 markah |
| | (iii) | **KBAT** – Cadangan isi:<br>- Allah Taala bersifat Al-Syahid yang Maha Menyaksikan segala perbuatan manusia.<br>- Allah Taala menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi. | 4 markah<br>Isi -1m<br>Huraian -1m<br>H.Lengkap - 1m<br>Kesimpulan -1m |

<table>
<tr><td>2(b)</td><td>(i)</td><td>Khawarij ialah kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah kerana tidak puas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua ciri pemikiran Khawarij :<br>- Membaca al-quran tidak melebihi kerongkong mereka.<br>- Keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya.</td><td>2 isi x 1m=<br>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Dua prinsip Khawarij :<br>- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.</td><td>2 isi x 1m=<br>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv)</td><td>Perbezaan pandangan Khawarij dan Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap pelaku dosa besar.<br><table><tr><th>Khawarij</th><th>Ahli Sunnah wal Jamaah</th></tr><tr><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir</td><td>Pelaku dosa besar mukmin tetapi dihukum fasiq</td></tr></table></td><td>2 isi x 2m=<br>4 markah</td></tr>
<tr><td>3(a)</td><td>( i )</td><td>Maksud haji ialah :<br>Mengunjungi Baitullah al Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Empat rukun haji ialah :<br>- Niat mengerjakan haji<br>- Wukuf di Arafah<br>- Tawaf di kaabah<br>- Saie<br>- Bercukur<br>- Tertib</td><td>4 isi x1m =<br>4 markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Dua perbezaan haji dan umrah:<br><table><tr><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr><tr><td>Wajib wukuf di Arafah</td><td>Tiada wukuf di Arafah</td></tr><tr><td>Mengunjungi Baitullah al Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.</td><td>Mengunjungi Baitullah al Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.</td></tr><tr><td>Dilakukan pada bulan-bulan haji / Hari Raya Korban / Hari Raya Aidil Adha</td><td>Dilakukan pada bila-bila masa</td></tr></table></td><td>2 isi x2m =<br>4 markah</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>( i )</td><td>Maksud talak :<br><br>Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Dua jenis lafaz talak beserta contoh :<br><br>- Terang/ Sorih – “Aku ceraikan engkau.”<br>- Kiasan/ Kinayah – “Aku kembalikan engkau kepada orang tuamu”.</td><td>2 isi x 2m=<br>4markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT – Cara menangani perceraian<br>Cadangan isi:<br><br>- Pasangan suami isteri hendaklah mendalami ilmu agama.<br>- Pasangan mestilah melaksanakan tanggungjawab sebagai suami/ isteri dan tanggungjawab bersama.<br>- Suami dan isteri hendaklah sentiasa saling bertolak ansur dan bertimbang rasa dalam apa jua keadaan.</td><td>Isi -1m<br>Huraian -1m<br>H.Lengkap - 1m<br>Kesimpulan -1m</td></tr>
<tr><td>4(a)</td><td>( i )</td><td>Dua khalifah Khulafak al Rasyidin :<br><br>- Saidina/khalifah Abu Bakar al Siddiq<br>- Saidina Umar al Khatab<br>- Saidina Uthman bin Affan<br>- Saidina Ali bin Abi Talib</td><td>2 isi x1m=<br>2 markah</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (ii) | **Dua** pencapaian pemerintahan kerajaan Khulafak al Rasyidin dari aspek **agama**:<br><br>**Khalifah Abu Bakar**<br>-berjaya memerangi nabi-nabi palsu /golongan yang enggan membayar zakat<br><br>**Khalifah Umar al Khatab**<br>-menyebarkan dakwah Islam ke wilayah Mesir, Parsi dan Rom. | 2 isi x 2m=<br>4markah |
| | (iii) | KBAT- Mengapa ramai tenaga cerdik pandai memilih untuk berkhidmat di luar negara berbanding di Malaysia?<br><br>Cadangan isi:<br>- Tawaran gaji yang lebih lumayan.<br>- Mendapat peluang untuk menimba ilmu dan pengalaman berharga di negara orang.<br>- Kemahiran dan kepakaran yang dimiliki tidak dihargai di negara sendiri. | Isi -1m<br>Huraian -1m<br>H.Lengkap - 1m<br>Kesimpulan -1m |
| (b) | ( i ) | **Tiga r**iwayat hidup Imam Syafie<br><br>Nama penuh : Muhammad b. Idris Al-Syafie<br>Tarikh lahir : 150 hijrah di Ghazah<br>Tarikh wafat : 204 hijrah<br>Kuniah : Abu Abdullah<br>Peribadi :<br>• Sanggup tinggal bersama kaum Badwi demi menguasai Bahasa Arab<br>• Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu<br>• Berani menegakkan kebenaran<br>• Sangat pemurah kepada fakir miuskin<br>• Sangat warak & kuat beribadat<br>Guru :<br>• Imam Malik bin Anas<br>• Sufyan bin Uyainah<br>• Muslim Khalid Al-Zanji | 3 isi x1m=<br>3 markah |
| | (ii) | **Tiga** sumbangan Imam Syafie:<br><br>- Menghasilkan karya beliau Al-Risalah, Al-Umm, Al-Musnad<br>- Mengasaskan mazhab berdasarkan ijmak,qiyas dan istidlal.<br>- Melahirkan murid yang terkenal antaranya Ahmad bin Hanbal, Abu Ya'kub Yusuf bin Yahya Al-Buwaiti, Abu Ibrahim Ismail bin Yahya Al Muzni.<br>- Mazhab Syafie tersebar di Mesir, Iraq, Parsi, Syria, | 3 isi x1m=<br>3 markah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia, Cina, Indonesia, Brunei, Pakistan dan India. | |
| | (iii) | **Dua i**ktibar yang boleh dihayati daripada keunggulan tokoh:<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu /sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.<br><br>- Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab/ supaya masyarakat hidup harmoni.<br><br>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari/ supaya hidup diberkati Allah Taala. | 2 isi x2m=<br>4 markah |
| 5(a) | ( i ) | Maksud wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan. | 2 markah |
| | (ii) | **Dua** ciri wasatiah dari aspek kesederhanaan:<br><br>- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.<br>- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah.<br>- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. | 2 isi x1m=<br>2 markah |
| | (iii) | **Dua** hikmah bersifat wasatiah:<br><br>- Syiar Islam dapat ditegakkan dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni.<br>- Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan kerana adanya kestabilan politik.<br>- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tiada berlaku pembaziran.<br>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara. | 2 isi x1m=<br>2markah |
| | (iv) | KBAT- Bagaimana mengamalkan wasatiah dalam kehidupan:<br><br>Cadangan isi:<br>- Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.<br>- Menunaikan tugasan dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.<br>- Sentiasa mengamalkan akhlak terpuji dan nilai murni yang baik dalam kehidupan. | 4markah<br><br>Isi -1m<br>Huraian -1m<br>H.Lengkap - 1m<br>Kesimpulan -1m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (b) | ( i ) | Maksud alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia. | 2 markah |
| | (ii) | **Dua** cara menjaga alam sekitar:<br><br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam. | 2 isi x1m<br>=2markah |
| | (iii) | Hikmah menjaga adab terhadap alam sekitar (1isi+H)<br><br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar/ kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa/ kerana melihat keindahan alam.<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas wabak penyakit/ kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar.<br>- Meningkatkan pendapatan/ kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan. | 1 isi x2m<br>=2markah |
| | (iv) | KBAT – Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi tidak dibendung.<br><br>Cadangan Jawapan:<br>- Kesihatan diri manusia akan terjejas.<br>- Sumber makanan akan musnah<br>- Tempat-tempat pelancongan dan sumber ekonomi turut musnah. | 4markah<br><br>Isi -1m<br>Huraian -1m<br>H.Lengkap - 1m<br>Kesimpulan -1m |